



MAKAM Dato Sagor dan Datuk Maharajalela disemadikan di tepi Sungai Larut, Matang.

# Kubur pejuang Melayu terbiar

B. H 04/01/09 M/S 22

Tapak bersejarah diliputi semak-samun

**T**APIING: Beberapa lokasi sejarah sekitar Larut, Matang termasuk kubur pejuang Melayu tersohor, Dato Sagor yang terbiar tanpa pengawasan pihak berkenaan, dibimbangi boleh melenyapkan nilai aset penting kepada sejarah peradaban Melayu.

Malah, ada di antara aset sejarah itu tidak diketahui secara tepat berhubung kewujudannya berikutan ketiadaan papan tanda atau maklumat jelas untuk penerangan kepada orang awam.

Bekas Penolong Kurator Kompleks Sejarah Matang, Ab Latib Ariffin, berkata sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kawasan perkuburan Dato Sagor di tepi Sungai Larut dan sebuah lagi kubur bersebelahannya dipercayai milik Dato Maharaja Lela terbiar tanpa pengawasan pihak berkenaan.

“Secara peribadi, saya sedih dengan keadaan itu kerana sepatutnya kubur pejuang Melayu berkenaan dijaga dan setidak-tidaknya tidak dibiarkan tanpa sebarang pemuliharaan.

“Ia mempunyai nilai tinggi dan perlu dipulihara sebagai khazanah sejarah untuk tatapan generasi akan datang. Malah, kubur itu boleh menjadi bukti kepada masyarakat kini bahawa semangat pejuang Melayu terdahulu sangat kental mempertahankan tanah air,” katanya.

Tinjauan Berita Minggu di

perkuburan itu baru-baru ini, turut mendapati kawasan perkuburan itu diliputi semak-samun dan pagar yang dibina sebagai penghalang daripada kemasukan binatang liar sudah roboh.

Lokasi kubur yang terletak di laluan ke tapak pelupusan sampah Jebong, Matang turut menyebabkan kawasan itu tersembunyi dan kurang mendapat perhatian kerana bau busuk dari tempat pembuangan itu.

Selain itu, Ab Latib berkata, beberapa bangunan yang terletak berhampiran Kota Ngah Ibrahim juga perlu diwartakan sebagai tapak warisan kerana ia antara produk pelancongan penting dalam memulihara tinggalan sejarah Perak khususnya di Matang.

“Beberapa rumah berkenaan terdiri daripada rumah pertama yang didiami golongan profesional di Perak seperti doktor dan majistret, rumah Ketua Polis Daerah

**“**Kubur itu boleh menjadi bukti kepada masyarakat kini bahawa semangat pejuang Melayu terdahulu sangat kental mempertahankan tanah air”

**Ab Latib Ariffin**

Bekas Penolong Kurator Kompleks Sejarah Matang

serta rumah Pengarah Pejabat Tanah dan Galian.

“Lokasi rumah terbabit terletak berdekatan antara satu sama lain dan berhampiran dengan Kota Ngah Ibrahim atau kini dikenali sebagai Kompleks Sejarah Matang serta tempat penggantungan tiga pejuang Melayu iaitu Dato Sagor, Dato Maharaja Lela dan Pandak Indut.

“Sehingga kini, hanya Kota Ngah Ibrahim, Rumah Kapten Speedy dan dua rumah usang berhampiran tempat penggantungan berkenaan yang diwartakan sebagai tempat pelancongan,” katanya.

Beliau berkata, papan tanda untuk menunjukkan lokasi kompleks berkenaan juga tidak disediakan sebaik mungkin sehingga menyukarkan ramai pelancong untuk mengunjungi kawasan bersejarah itu.

“Papan tanda hanya disediakan di pintu masuk kota berkenaan, sebaliknya kebanyakan pengunjung perlu mendapatkan penunjuk arah yang jelas bagi memudahkan perjalanan mereka ke kota berkenaan serta beberapa lokasi aset sejarah lain yang berdekatan,” katanya.

Beliau mengharapkan, pihak berkenaan termasuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mengambil perhatian dengan aset pelancongan yang masih ada serta melakukan kerja pemuliharaan bagi memastikan ia kekal sebagai produk bersejarah.